**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK**
**YB. LEE KHAI LOON**

27. Senaraikan kawasan-kawasan di negeri Pulau Pinang yang mempunyai program Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).

(a) Terangkan rancangan masa depan untuk merealisasikan konsep Bandar Selamat di seluruh negeri.

(b) Apakah status cadangan pembinaan satu balai polis di Alma, KADUN Machang Bubuk, mempunyai penambahan penduduk yang tinggi?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Kawasan-kawasan di Pulau Pinang yang mempunyai program Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) adalah seperti berikut :-

| Bil | Daerah | Program | Kawasan Terlibat |
|---|---|---|---|
| 1 | Daerah Timur Laut | Bandar Selamat | • Jalan Edgecumbe, Jalan C.O. Lim, Lebuh Tek Soon, Lebuh Lintang, Jalan Dr Lim Chwee Leong, Jalan Magazine, Jalan Ria, Jalan Corcodia, Jalan Pemenang, Jalan Dato' Ismail Hashnim, Lebuh Raya Bingham, Tesco, Lebuh Raya Batu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Lancang, Jalan Susur, Jalan Masjid Kapitan Kling, Lorong Pasar, Lorong Muda, Lorong Stewart, Lorong Chulia, Lorong Love, Lebuh Leith, dan Persiaran Bayan Indah.<br>• Jalan Patani (Taman Sri Pinang dan Flat PPRT), Kawasan Perumahan Lebuh Macallum, kawasan Paya Terubong, kawasan Jalan Padang Tembak, kawasan perumahan Kg Sg Nibong Kecil/Mayang Pasir/Bukit Gedong, Kawasan Perumahan Flat Desa Mawar, Jelutong (Perumahan PPR Batu Lanchang, Perumahan PPR Taman Seri Damai dan Perumahan Van Praagh), Bandar Baru Farlim(Pangsapuri Desa Intan, Pangsapuri Desa Baiduri, Pangsapuri Jasmi, Medan Angsana, Flat Semarak Api dan Lorong Semarak Api)<br>• Laluan pejalan kaki dan rel penghadang di Jalan Tanjung Bungah, Lebuh Nipah, Jalan Sungai Kelian, Jalan Lembah Permai, persimpangan Lebuh Chulia dan Lebuh Leith, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, Lorong Madras, Lorong Selamat, Lorong Baru, Jalan Burma, Jalan Kedah, Jalan Masjid Negeri, Jalan Free School, Jalan Sultan Azlan Shah.<br>• Pemasangan lampu-lampu jalan di Jalan Kedidi, Saujana Height, tingkat Paya Terubong 1, 2, 3, 4,<br><br>Jalan Kukus, Jalan Rumbia, Lebuh |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Nipah dan Lebuh Nipah 5. |
| 2 | Daerah Barat Daya | Bandar Selamat | • Persiaran Mahsuri dan Jalan Mahsuri<br>• Kawasan Perumahan Relau<br>• Pemasangan railing dan laluan pejalan kaki di Jalan Balik Pulau |
| 3 | Daerah Seberang Perai Utara | Bandar Selamat | • Penyediaan lampu jenis mini highmast di PPR Ampang Jajar, SPU<br>• Penyediaan tempat letak motosikal berbumbung serta berkunci di Rumah Pangsa Hijau Ampang Jajar, SPU<br>• Penyediaan tempat letak motosikal berkunci di empat (4) blok Rumah Pangsa Hijau Mak Mandin, SPU<br>• Penyediaan papan tanda keselamatan di sekitar kawasan Mak mandin, SPU |
| 4 | Daerah Seberang Perai Tengah | Bandar Selamat | • Pemasangan Railing dan laluan pejalan kaki di Jalan Jenahak, Seberang Jaya<br>• Penyediaan tempat motorsikal berkunci di rumah pangsa Desa Wawasan, Bukit Mertajam<br>• Laluan pejalan kaki dan railing di Jalan Perda Utama |
| 5 | Daerah Seberang Perai Selatan | Bandar Selamat | • Pemasangan Rrailing dan laluan pejalan kaki di hadapan SK Puteri Gunung, Taman Puteri Gunung |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Penyediaan tempat motosikal berkunci di rumah pangsa Jalan Mohd Saad. |

(a) Konsep Bandar Selamat merupakan rancangan jangka panjang pihak Kerajaan Negeri bagi merealisasikan impian Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang selamat dan paling mesra di negara ini. Antara beberapa konsep dan projek yang telah dirancang untuk dijalankan adalah seperti :-

(i) Cadangan laluan pejalan kaki dan rel penghadang di Jalan Allen
(ii) Cadangan laluan pejalan kaki dan rel penghadang di Jalan Selat dan Tingkat Selat
(iii) Cadangan penyediaan tempat letak motosikal berkunci di Taman Selat
(iv) Cadangan untuk penambahbaikan berkaitan pencahayaan di sekitar Kawasan Taman Selat
(v) Cadangan penyediaan papan tanda keselamatan dan cermin keselamatan di sekitar Kawasan Taman Selat
(vi) Cadangan penyediaan CCTV di setiap lampu isyarat lalu lintas

(b) Pembinaan sesebuah Balai Polis adalah di bawah bidang kuasa dan juga peruntukan dari pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebelum ini, sebuah Pondok Polis telah beroperasi di Alma iaitu di dalam sebuah kontena yang disediakan oleh pihak pemaju. Memandangkan terdapatnya keperluan dengan mengambil kira jumlah penduduk yang makin bertambah, sebuah cadangan penyewaan Balai Polis di Alma telah dibuat namun permohonan tersebut tidak diluluskan oleh pihak KDN pada tahun 2013.